

18/08/2003

KL-Damsyik pererat hubungan

Dr Mahathir Mohamad

SAYA berasa gembira berada di bandar raya Damsyik yang termasyhur. Saya mengakui bahawa keindahan Damsyik, bandar raya yang kaya dengan budaya dan sejarah silam, mengharukan saya. Bagi pihak isteri saya dan anggota rombongan, saya ingin menyampaikan penghargaan secara jujur dan berterima kasih kepada Tuan Presiden, kerajaan dan rakyat Syria kerana mengalu-alukan kedatangan kami dengan layanan yang begitu mesra sekali.

Saya juga mengaku bahawa saya selalu rasa terpesona dengan sejarah negara ini. Kerap dirujuk sebagai Cradle of Civilisation dan Gateway to History, Syria bukan negara asing kepada rakyat Malaysia. Bagi umat Islam, sejarah Syria ditulis dalam buku teks kami ketika kami belajar mengenai sejarah Islam dan keagungan tamadunnya ketika zaman Rasulullah dan sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali serta pemimpin dan pahlawan agung Islam termasuk Khalid Ibn Walid, Nur al Deen dan Salahuddin Al-Ayubbi yang berjuang untuk menyebarkan ajaran Islam atau mempertahankan agama daripada tentera Perang Salib.

Zaman kegemilangan Syria ialah ketika pemerintahan Bani Umayyah (661-750 AD) yang menjadikannya sebuah empayar merentasi dari selatan Perancis dan Andalusia di Sepanyol hingga ke Lembah Indus di India di bahagian selatan dan di Barat China di bahagian Timur. Ketika itu kerajaan Umayyah mengamalkan sikap tolak ansur terhadap penganut agama lain di samping memberi galakan kepada soal pendidikan dan sains. Damsyik menjadi pusat pembelajaran dan menjadi tumpuan ramai sarjana dan pemikir seperti Ibn Katheer dan Imam Al Nawawi.

Itulah zaman kegemilangan yang dinikmati umat Islam pada masa lalu. Malangnya, ia tidak lagi disebut pada hari ini. Sejak peristiwa serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001, Islam dianggap sebagai agama yang mendukung tindakan keganasan. Umat Islam menjadi lemah, berpecah belah dan menjadi mangsa diskriminasi di Barat. Negara Islam diserang dengan alasan sama ada melindungi pengganas atau semata-mata disyaki memiliki senjata pemusnah besar-besaran. Beberapa lagi negara Islam kini diancam atau menjadi sasaran untuk pertukaran rejim.

Amat malang sekali bahawa dalam dunia unipolar yang kita diami sekarang, wujud arah aliran untuk undang-undang rimba, yang mana kekuasaan adalah betul, untuk diguna pakai dalam penyelesaian perbalahan antarabangsa. Negara lemah dan kurang membangun, kebanyakannya negara Islam, mudah terdedah dan menjadi mangsa pencerobohan dan penjajahan.

Peristiwa 11 September yang mencetuskan peperangan terhadap keganasan, diikuti pencerobohan ke atas Afghanistan dan Iraq sepatutnya menyentak umat Islam daripada lamunan. Kita tidak boleh lagi berpecah belah jika kita tidak mahu rebah satu demi satu. Umat Islam mesti menguasai maklumat, ilmu pengetahuan dan teknologi dan sentiasa mengikuti perkembangan di dunia Barat. Malaysia percaya dengan kekayaan kewangan dan sumber asli yang ada, negara Islam boleh menjadi kuat sekiranya hal ehwal dalam negara diurus dengan baik.

Malaysia percaya keganasan tidak sepatutnya dilabel atau dikaitkan dengan sesuatu agama atau kumpulan manusia tertentu. Satu definisi keganasan yang dapat diterima sejagat amat penting dirumuskan bagi membolehkan masyarakat antarabangsa membendung tindakan itu secara berkesan. Masalah keganasan mesti diuruskan dari puncanya. Malaysia dan Syria mempunyai pandangan yang sama mengenai isu keganasan ini.

Keadaan di Timur Tengah masih membimbangkan kita semua. Inti patinya

adalah konflik di antara Palestin dan Israel. Membunuh sesama manusia akibat marah yang dilakukan oleh kedua-dua pihak tidak dapat menyelesaikan apa-apa masalah. Kita perlu menyumbang ke arah kejayaan muktamad. Keamanan yang komprehensif di rantau berkenaan, bagaimanapun tidak boleh dicapai tanpa penyertaan Syria untuk memasukkan Tanah Tinggi Golan dan Ladang Sheba dalam pelan damai jika keamanan kekal di rantau berkenaan mahu dicapai.

Pelan damai yang diusahakan oleh Amerika Syarikat untuk menyelesaikan masalah Palestin sepatutnya menjadi peluang terbaik bagi mencapai kejayaan sekiranya Iraq tidak diceroboh. Sekarang wujud masalah Iraq sebagai tambahan kepada masalah Palestin dan keganasan masih terus mengancam dunia.

Kita perlu kembali kepada sistem multilateralisme bagi memulihkan keadaan seperti sedia kala.

Saya rasa gembira kerana Malaysia dan Syria berkongsi banyak persamaan mengenai isu yang dihadapi masyarakat antarabangsa hari ini dan bekerjasama secara bermakna dalam pelbagai forum seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kumpulan 77 (G-77). Kerajaan saya amat menghargai sokongan dan sumbangan yang diberikan oleh kerajaan Syria pada sidang Kemuncak NAM Februari lalu, yang dihoskan oleh Malaysia. Saya yakin Malaysia akan terus menerima sokongan penuh Syria dan penyertaannya yang membina pada sidang kemuncak OIC Oktober ini di Malaysia.

Mengenai hubungan dua hala, saya yakin lawatan saya ke Syria, kali pertama oleh Perdana Menteri Malaysia, akan membuka lembaran baru dalam hubungan di antara dua negara yang bersahabat. Sejak wujudnya hubungan diplomatik pada 1958, hubungan dua hala amat rapat dan mesra. Hubungan semakin bertambah erat sejak beberapa tahun lalu. Kita mengadakan perbincangan yang amat berfaedah awal hari ini. Usaha sama sedang diambil untuk memperluaskan lagi hubungan selain secara tradisi dalam bidang perdagangan untuk memasukkan bidang lain seperti ICT (teknologi komunikasi dan maklumat), budaya, pendidikan, pelancongan, pembangunan sumber manusia, belia, sukan, minyak dan gas.

Dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) dalam kerjasama di bidang sains dan teknologi dan MoU mengenai kerjasama statistik di antara dua kerajaan selain perjanjian perkongsian dalam perusahaan dan pemindahan pengetahuan teknologi di antara U.C.T Sunan (Malaysia) dan Badan Telekomunikasi Syria ketika lawatan saya, memperkukuhkan lagi keinginan kita untuk memperluas kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta kedua-dua negara.

Hubungan dagangan dua hala di antara Malaysia dan Syria amat kecil iaitu AS\$67.3 juta (RM255.74 juta) pada 2002. Malaysia mengeksport sejumlah barangan bernilai AS\$66.3 juta (RM251.94 juta) ke Syria dan mengimport barangan bernilai AS\$1 juta (RM3.8 juta) dari Syria. Kita perlu mengimbangkan dagangan dengan mengimport lebih banyak dari Syria.

Pada masa ini, ada 158 pelajar Malaysia melanjutkan pendidikan agama di Syria, manakala 27 pelajar Syria menuntut di Malaysia dalam bidang perubatan, sains dan teknologi, pengajian Islam dan beberapa kursus lain. Kerajaan Malaysia ingin mengucapkan penghargaan kepada kerajaan Syria kerana menerima pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di Syria. Saya ingin menjemput lebih ramai pelajar Syria untuk belajar di Malaysia.

Sejarah kita mungkin berbeza dan pengalaman lalu kita adalah pelbagai tetapi kita berkongsi matlamat yang sama. Kita sama-sama berazam untuk memaju dan memakmurkan rakyat kita. Kita mengikuti dengan penuh minat pembaharuan ekonomi yang sedang dilakukan oleh kerajaan Syria bagi memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial rakyatnya.

Sebagai negara membangun, Malaysia dan Syria seharusnya membangunkan perikatan strategik dan memperluas kerjasama dalam bidang yang boleh memberi faedah kepada rakyat dan negara masing-masing.

Dalam hala tuju ini, Tuan Presiden, berdasarkan konteks Kerjasama Selatan-Selatan dan sejajar dengan dasar kita untuk memakmurkan jiran, Malaysia bersedia untuk berkongsi dengan Syria, di bawah Program Kerjasama Teknikal (MTCP), kemudahan kita dan pengalaman dalam pentadbiran serta pembangunan.

Dengan itu, Tuan Presiden, sekali lagi saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kerana layanan yang amat baik diberikan kepada saya dan isteri saya serta anggota rombongan sepanjang lawatan singkat tetapi penuh bermakna di Syria.